







ALAT-ALAT MUZIK DAN MUZIK INSTRUMENTAL KADAZAN DUSUN TAMBUNAN

Jacqueline Pugh-Kitingan

Kursi Kadazan Dusun
Universiti Malaysia Sabah



Pejabat Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Sabah

Cetakan Pertama 2003
Hakcipta Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah

Hakcipta terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini, dalam apa bentuk dan dengan apa carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah.

ISBN 983-41609-0-9

Diterbitkan oleh :
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah
Tingkat 5, Blok E, Bangunan KWSP,
Peti Mel 51, 49 Jalan Karamunsing,
88100 Kota Kinabalu, Sabah.

Dicetak oleh :
PERCETAKAN PENDALAMAN KENINGAU
Lot 26, Phase 1, HSK Industrial Centre,
KM 8, Jalan Penampang,
P. O. Box 11913, 88821 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-716934, 713125 Fax : 088-723725

PRAKATA

Saya mula-mula tertarik kepada muzik tradisional Sabah, apabila saya mengenali suami saya, Laurentius Kitingan di University of Queensland, Australia. Beliau berasal dari komuniti terbesar Sabah, iaitu Kadazandusun. Pada waktu itu beliau seorang pelajar di bawah 'Colombo Plan' di universiti tersebut. Pada masa itu, saya sedang membuat penyelidikan mengenai muzik orang Huli di Papua New Guinea untuk sarjana kedoktoran saya, dan oleh itu saya mempunyai minat untuk mengkaji muzik masyarakat suami saya, iaitu Kadazandusun. Saya berkahwin dengan suami saya di Brisbane pada tahun 1976, dan pada tahun 1977 kami kembali untuk masa yang singkat ke kampung suami saya di Tambunan, di kawasan pedalaman Sabah, untuk menghadiri *moginakan* tradisional, yang diadakan sempena perkahwinan kami. Semasa tinggal di kampung pada waktu itu, saya mula belajar bermain gong-gong dalam kumpulan gong *sopogandangan*.

Setelah tamat pengajian kami di luar negara, kami pulang ke Sabah pada tahun 1982. Semasa tinggal di kampung dan membesarkan anak-anak kami, saya mula menjalankan kajian etnomuzikologi yang lebih serius mengenai muzik Kadazandusun. Pada tahun 1986, saya mula bekerja di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Sabah sebagai Pengarah Muzik (dan kemudian Pegawai Penyelidik), dan seterusnya memegang jawatan Ketua Bahagian Penyelidikan Kebudayaan di Lembaga Kebudayaan Sabah dari 1997 hingga 2000. Sepanjang tempoh ini, saya berkhidmat sebagai penyelidik bersekutu untuk Jabatan Muzium Sabah, dan juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Persembahan Muzik Tradisi untuk Pesta Kaamatan Peringkat Negeri yang diadakan setiap tahun. Saya mendapat peluang untuk menjalankan penyelidikan etnomuzikologi di kalangan pelbagai komuniti tradisional di Sabah, termasuklah orang Dusun Lotud, Dusun Tatana, Murut Timugon, orang Bajau pantai timur dan pantai barat, orang Iranun dan banyak lagi. Sejak tahun 2000, saya telah berkhidmat di

Universiti Malaysia, Sabah, mula-mula sebagai pensyarah yang mengajar Etnomuzikologi dan Etnografi Borneo di Sekolah Sains Sosial, dan sejak 2003 saya bertugas sebagai pengurus di Kursi Kadazan Dusun.

Buku ini pada asalnya dibentangkan sebagai kertas kerja bertajuk “Instruments and Instrumental Music of the Tambunan Kadazan/Dusun” pada Seminar Puisi dan Muzik Rakyat Malaysia, yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah di Kota Kinabalu dari 6 hingga 8 April, 1986. Pada tahun 1987, ia diterbitkan dalam Bahasa Malaysia untuk buku yang bertajuk *Muzik dan Puisi Rakyat Malaysia: Kumpulan Kertas-Kerja Seminar*. Ia juga diterbitkan pada tahun 1988 dalam *Sabah Museum and Archives Journal*.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Chua Teck Luwi dan kakitangan di Pejabat Kebudayaan dan Keseniaan Sabah atas minat mereka untuk menerbitkan buku ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada Encik Mohd. Fuad J. Atik yang mula-mula menterjemahkan artikel ini dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia pada tahun 1987, dan Cik Tabitha Jacqueline Kitingan yang telah mengemaskinikan artikel ini untuk terbitan baru ini. Dan akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada komuniti Kadazandusun dari Tambunan kerana menerima saya ke dalam kehidupan dan kebudayaan mereka.

Saya berharap buku kecil ini akan menarik ramai pembaca dan dengan itu akan memberi inspirasi kepada pemuda-pemudi Malaysia supaya menghargai warisan budaya tradisional mereka.

Profesor Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan
Kursi Kadazan Dusun
Universiti Malaysia Sabah
Disember 2003

KANDUNGAN

Prakata	iii
Senarai Gambar	vi
Senarai Rajah	viii
Senarai Transkripsi Muzik	ix
Peta	x
1. Pendahuluan	1
2. Membranofon	4
3. Idiofon	5
4. Erofon	12
5. Kordofon	25
6. Kesimpulan	31
Nota	32
Gambar	34 - 42
Bibliografi	43 - 46